

Headline	Pengusaha janji tidak naik harga makanan	Language	Malay
Date	20 Jul 2010	Page No	4
MediaTitle	Kosmo	Article Size	182 cm²
Section	Negara	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	1,582
Frequency	Daily	PRValue	4,747
Circ / Read	115,967 / 406,000		



Pengusaha janji tidak naik harga makanan

PUTRAJAYA - Kira-kira 500,000 pengusaha makanan memberi jaminan akan terus mengekalkan harga lama meskipun harga gula mengalami kenaikan 25 sen minggu lalu.

Persetujuan itu dicapai dalam pertemuan antara Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dengan persatuan terlibat di sini semalam.

Menurut Ismail Sabri, pihak pengusaha makanan didapati faham rasional kerajaan mengurangkan subsidi.

"Mereka (peniaga) juga memberikan komitmen kepada kerajaan bahawa mereka tidak akan menaikkan harga makanan dan minuman yang berkaitan gula," katanya.

Beliau berkata, persetujuan itu bukan sahaja melibatkan pengusaha makanan seperti restoran dan gerai makanan tetapi turut bersama memberi komitmen ialah syarikat pengeluaran makanan dan minuman berasaskan gula seperti Nestle, Dutch Lady dan Fonterra Brands.

Antara persatuan yang terlibat dalam perbincangan itu ialah Persatuan Pemborong Malaysia, Persekutuan Peki-lang-Pekilang Malaysia (FMM), Kumpulan Pengeluaran Makanan Malaysia (MAFMAG), Persatuan Pengilang-Pengilang Roti Malaysia, Gabungan Persa-



ISMAIL SABRI (empat dari kanan) bersama sebahagian wakil pengusaha makanan dan wakil persatuan pengeluaran makanan di Putrajaya semalam.

tuan-Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu, Persatuan Pengusaha Restoran India Malaysia (Primas) dan Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma).

Menurut Ismail Sabri, sekiranya selepas ini masih ada pengusaha yang didapati menaikkan harga barangan secara tidak munasabah, pihaknya akan memberi nasihat sebelum mengambil tindakan.

Sementara itu, Presiden Prisma, Da-

tuk R. Ramalinggam Pillai berkata, sebagai langkah menyokong kerajaan, pihaknya akan mengedarkan memorandum kepada kesemua 1,300 orang ahli supaya tidak menaikkan harga di lebih 5,000 restoran milik mereka.

"Kami akui mereka akan berhadapan dengan kekurangan keuntungan akibat kenaikan harga gula, tetapi ia tidak menjejaskan dan kita tidak akan menaikkan harga makanan," katanya lagi.